

TEKS UCAPAN PERASMIAN

YB Lim Hui Ying

Timbalan Menteri KPWKM

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Persaraan KPWKM
Tahun 2026

PICC | 24 Jun 2026 (Rabu) | 9.00 Pagi

YBhg. Datuk Dr. Maziah binti Che Yusoff

Ketua Setiausaha, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)

YBhg. Datin Safida Zalma binti Mohd Piah

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) KPWKM

YBrs. Encik Mohd Daud bin Mohd Arif

Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik) KPWKM

YBhg. Datuk Che Murad Sayang bin Ramjan

Ketua Pengarah, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)

YBhg. Dato' Abdul Shukur bin Abdullah

Ketua Pengarah, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)

YBrs. Puan Hanani binti Sapit

Ketua Pengarah, Jabatan Pembangunan Wanita (JPW)

YBrs. Puan Syafeera binti Mohd Said

Presiden, Tribunal Bagi Antigangguan Seksual (TAGS)

YBrs. Puan Nordina binti Haron

Ketua Pegawai Eksekutif, Yayasan Kebajikan Negara (YKN)

YBrs. Puan Norhaslinda binti Mohd Sibi

Pengarah, Institut Sosial Malaysia (ISM)

Setiausaha-Setiausaha Bahagian, Ketua-Ketua Unit

Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah

Barisan Pegawai dari KPWKM dan Jabatan/Agensi;

Para Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2025 yang diraikan;

Para Pesara yang telah meninggalkan perkhidmatan awam pada tahun 2025 dan 2026 yang turut diraikan pada hari ini; dan

seterusnya Tuan/Puan yang dihormati sekalian.

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

Terima kasih kepada pengacara majlis, **Puan Milah binti Rabun** dan **Encik Alfian bin Mohd Nor**, pembaca doa, **Ustaz Kamarul Nizal bin Idris**, pembaca ikrar, **Encik Richard Chai** dan jurubahasa, **Puan Haryanti binti Abdul Rahman**.

Pertamanya, saya ingin menyampaikan salam dan ucapan daripada Yang Berhormat Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, yang tidak dapat bersama-sama kita pada hari ini. Seperti yang tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum, beliau baru sahaja kehilangan suami tercinta pada 18 Jun yang lalu. Marilah kita bersama-sama menzahirkan rasa simpati dan mendoakan agar beliau serta keluarga diberikan kekuatan dan ketabahan dalam menghadapi saat yang sukar ini.

Saya bersyukur kerana pada hari ini kita dapat berhimpun bersama dalam Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan Pesaraan Tahun 2026 Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM). Majlis ini memberi ruang kepada kita untuk meraikan kecemerlangan, menghargai dedikasi serta mengenang jasa mereka yang telah banyak menyumbang kepada kementerian dan negara.

Majlis ini bukan sekadar acara tahunan, tetapi merupakan wadah untuk menghargai jasa, dedikasi dan komitmen warga KPWKM yang telah memberikan perkhidmatan terbaik sepanjang tahun 2025. Pada masa yang sama, kita turut meraikan para pesara dan bakal pesara yang telah menabur bakti dengan penuh amanah sepanjang tempoh perkhidmatan mereka. Sesungguhnya, pengiktirafan seperti ini mencerminkan penghargaan kerajaan terhadap sumbangan penjawat awam sebagai tunjang pembangunan dan kesejahteraan negara.

Saya amat berbesar hati dapat bersama-sama meraikan dan menyampaikan Sijil Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2025 kepada seramai 642 orang penerima yang telah menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang, profesional dan berintegriti sepanjang tahun lalu.

Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada semua 642 penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2025 yang diraikan pada hari ini. Penerima anugerah pada tahun ini terdiri daripada 24 orang warga Kementerian KPWK, seorang daripada Tribunal Bagi Antigangguan Seksual (TAGS), 6 orang daripada Institut Sosial Malaysia (ISM), 18 orang daripada Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), 73 orang daripada Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) serta 520 orang daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Setiap seorang daripada saudara dan saudari telah memainkan peranan penting dalam menjayakan fungsi dan mandat organisasi masing-masing. Pengiktirafan yang diterima pada hari ini adalah bukti kepada dedikasi, profesionalisme dan komitmen tinggi yang telah ditunjukkan dalam melaksanakan amanah kepada rakyat dan negara. Semoga kecemerlangan yang ditunjukkan menjadi inspirasi kepada seluruh warga KPWK untuk terus meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

Pada kesempatan yang sama, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada 206 orang pesara dan bakal pesara yang diraikan pada hari ini. Terima kasih atas segala jasa, pengorbanan dan khidmat bakti yang telah dicurahkan sepanjang tempoh perkhidmatan.

Sesungguhnya, persaraan bukanlah pengakhiran kepada sumbangan seseorang. Sebaliknya, ia merupakan permulaan kepada fasa kehidupan yang baharu, yang membuka ruang untuk meneroka pelbagai peluang dan aktiviti yang memberi manfaat kepada diri, keluarga serta masyarakat. Saya berharap agar tuan-tuan dan puan-puan terus dikurniakan kesihatan yang baik, ketenangan dan kebahagiaan dalam menempuh alam persaraan.

Sebagai individu yang pernah berkhidmat dalam sektor awam, khususnya di KPWKM, saya berharap para pesara akan terus memainkan peranan sebagai agen masyarakat yang aktif, termasuk menyokong pelbagai program komuniti dan gaya hidup sihat, khususnya melalui Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) di kawasan masing-masing.

Walaupun telah menamatkan perkhidmatan rasmi, saya percaya pengalaman, kebijaksanaan dan semangat untuk terus menyumbang dalam kalangan para pesara akan kekal menjadi aset berharga kepada masyarakat dan negara. Sesungguhnya, jasa dan sumbangan para pesara KPWKM akan sentiasa dikenang dan dihargai. Benarlah kata pepatah, “Harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama.”

Hadirin yang saya hormati sekalian,

Dunia hari ini berdepan dengan pelbagai cabaran yang semakin kompleks, termasuk ketidaktentuan geopolitik, tekanan ekonomi global, peningkatan kos sara hidup serta pelbagai isu sosial yang memerlukan perhatian berterusan. Cabaran ini turut memberi kesan kepada penyampaian perkhidmatan awam dan menuntut kecekalan serta daya tahan yang tinggi daripada setiap penjawat awam.

Namun begitu, saya yakin warga KPWKM sentiasa teguh dalam melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan. Saya amat berbangga melihat kesungguhan dan komitmen seluruh warga kementerian yang terus berusaha memastikan rakyat menerima perkhidmatan yang terbaik walaupun berdepan dengan pelbagai cabaran.

Keupayaan tuan-tuan dan puan-puan menyesuaikan dasar dan program mengikut keperluan semasa, melaksanakan inisiatif yang inklusif serta merancang pembangunan sosial yang mampan membuktikan bahawa warga KPWKM sentiasa relevan, tangkas dan berdaya tahan.

Sepanjang tahun 2025, KPWKM telah mencatat pelbagai pencapaian yang membanggakan. Antaranya termasuk penganjuran enam program antarabangsa sempena Kepengerusian ASEAN 2025, pelancaran Dasar Wanita Negara, Dasar Kanak-Kanak Negara, Pelan Tindakan Women, Peace and Security (WPS), Pelan Tindakan Warga Emas, Care Strategic Framework serta pelbagai program yang memberi manfaat secara langsung kepada rakyat.

Semua kejayaan ini tidak mungkin dapat dicapai tanpa komitmen, kerjasama dan semangat kerja berpasukan seluruh warga kementerian. Saya percaya para penerima APC yang diraikan pada hari ini merupakan antara individu yang telah menyumbang secara signifikan kepada kejayaan-kejayaan tersebut.

Hadirin yang dihormati,

Kerajaan terus komited memperkukuh sistem penyampaian perkhidmatan awam melalui pelaksanaan Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam (ARPA). Agenda ini menuntut penjawat awam untuk terus meningkatkan kompetensi, menguasai teknologi baharu termasuk kecerdasan buatan (AI), memperkukuh kemahiran insaniah dan kepimpinan serta memiliki keupayaan untuk menyesuaikan diri dengan perubahan yang berlaku dengan pantas.

Penjawat awam yang cemerlang bukan sahaja mampu melaksanakan tugas dengan cekap dan berkesan, malah berupaya menjangkau jangkauan rakyat dan pemegang taruh dalam memastikan dasar serta perancangan kerajaan diterjemahkan kepada manfaat yang nyata.

Saya yakin warga KPWKM mempunyai keupayaan dan komitmen untuk terus menjadi pemacu kepada agenda pembangunan sosial negara serta memperkukuh kesejahteraan rakyat selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua 642 penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2025 serta 206 orang pesara dan bakal pesara yang diraikan pada hari ini.

Semoga kecemerlangan yang diraikan pada hari ini terus menjadi pemangkin kepada budaya kerja berprestasi tinggi, berintegriti dan berteraskan nilai kemanusiaan. Marilah kita bersama-sama memperkukuh komitmen untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat serta memastikan KPWKM terus unggul sebagai peneraju pembangunan sosial negara.

Kepada para pesara, terima kasih atas segala jasa dan pengorbanan yang telah dicurahkan kepada perkhidmatan awam dan KPWKM. Sumbangan tuan-tuan dan puan-puan akan sentiasa dihargai dan dikenang sebagai sebahagian daripada legasi yang telah memperkukuh peranan KPWKM dalam memperjuangkan kesejahteraan rakyat.

Sebelum mengakhiri ucapan ini, izinkan saya berkongsi dua rangkap pantun:

Kalau tuan menebang buluh,
Biar rebah di celah dahan,

Jasa bakti ditatang utuh,
Khidmat cemerlang jadi taruhan.

Tenang-tenang air di laut,
Sampan kolek mudik ke hulu,
Hati terkenang mulut menyebut,
Budi dan jasa tetap dirindu.

Dengan sukacitanya, saya dengan ini merasmikan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan Pesaraan Tahun 2026 Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Sekian, terima kasih.